

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF BEHAVIOURAL INSIGHTS MELALUI PLATFORM DIGITAL
TARIKH	:	JUN 2021
OBJEKTIF	:	MENYEBARLUAS INISIATIF MEMODENKAN PERATURAN MELALUI PENDEKATAN BEHAVIOURAL INSIGHTS BAGI PENINGKATAN PRODUKTIVITI.
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	RM 47,700 / Bajet Pembangunan RMK-12 Behavioural Insights (BI 2.0)
BAHAGIAN/WILAYAH/UNIT	:	CPD
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

TAJUK: PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF BEHAVIOURAL INSIGHTS MELALUI PLATFORM DIGITAL

1.0 Tujuan

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC untuk membangunkan kandungan kreatif bagi promosi dan publisiti mengenai *Behavioural Insights* dalam memodenkan peraturan melalui platform digital.

2.0 Latarbelakang / Justifikasi

2.1 MPC telah diberi mandat untuk melaksanakan projek *Behavioural Insights* (BI) pada tahun 2020. Pendekatan BI dalam penggubalan polisi awam telah banyak digunapakai di negara-negara maju sejak 2010. BI merupakan alat polisi yang inovatif bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan intervensi kerajaan. BI mengambilkira pelbagai disiplin ilmu seperti sains tingkah laku dan sosial termasuk pembuatan keputusan, psikologi, sains kognitif dan neurosains supaya sesuatu polisi yang digubal lebih berkesan dan mencapai kadar pematuhan peraturan yang tinggi.

2.2 Unit Media MPC telah membuat perancangan untuk menyebarluas mengenai inisiatif yang dijalankan dalam memodenkan peraturan melalui pendekatan BI. Pendedahan inisiatif ini kepada kumpulan sasaran tertentu terutama di kalangan pembuat dasar, pengawal selia dan golongan Korporat Professional adalah penting untuk membentuk *Mindset Change* dengan pembangunan "nudges" menggunakan "new media". Ini merupakan satu strategi yang terbaik dan efektif di era digital ini untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran mengenai program

Bldengan lebih meluas melalui kaedah yang lebih mudah difahami sesuai dengan kumpulan sasar.

2.3 Antara platform digital kandungan kreatif yang akan digunakan untuk membangunkan kandungan kreatif media adalah seperti berikut:

- a. **E-Publication** – Platform majalah digital ini digunakan bagi menyebarkan kepada kumpulan sasar (Professional) dan kandungan yang dikongsi lebih mendalam, selain ia lebih mudah disebarkan menggunakan link yang disediakan.
- b. **Video** – Platform secara visual dan liputan lebih terperinci mengenai inisiatif yang dijalankan oleh MPC bersama industri yang menerima manfaat.

3.0 Objektif

Objektif pembangunan kandungan kreatif adalah untuk menyebarkan inisiatif memodenkan peraturan melalui pendekatan BI bagi peningkatan produktiviti.

4.0 Impak

Inisiatif dalam mempromosi mengenai BI dalam memodenkan peraturan melalui platform digital disasarkan kepada pembuat dasar, pengawalselia dan golongan Korporat Professional bagi membentuk *Mindset Change* dengan pembangunan "nudges" kerana kumpulan sasaran ini merupakan pihak yang terlibat dalam merangka peraturan serta pembuat keputusan.

5.0 Kos

Anggaran kos keseluruhan yang terlibat adalah seperti berikut:

Item	Kos
E-Publication - 10 muka surat mengenai kandungan BI	RM 45,000

- 1 muka hadapan berkenaan MPC - 1 video temubual	
SST (6%)	RM 2,700
JUMLAH	RM 47,700

6.0 Syor

Disyorkan agar Lembaga Pengurusan MPC mempertimbangkan dan meluluskan permohonan peruntukkan bajet pembangunan RMK-12 **Behavioural Insights (BI 2.0)** sebanyak **RM 47,700** untuk pembiayaan kandungan kreatif bagi promosi dan publisiti mengenai *Behavioural Insights* dalam memodenkan peraturan melalui platform digital.

Disediakan oleh:

Huda Atiqah Samsir
Penolong Pengurus
Bahagian Perancangan dan
Pembangunan Korporat

Disemak oleh:

Pn. Shezlina Zakaria
Timbalan Pengarah
Bahagian Perancangan dan
Pembangunan Korporat

Diperakui Oleh:

Pn. Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah
Bahagian Produktiviti & Dayasaing

Tarikh: 5 Jun 2021

KERATAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGURUSAN MPC

Bil. : 645/2021
Tarikh: 18/06/2021

HUDA ATIQAH SAMSIR

MENYEBARLUAS INISIATIF MEMODENKAN PERATURAN MELALUI PENDEKATAN BEHAVIOURAL INSIGHTS BAGI PENINGKATAN PRODUKTIVITI.

KOS: **RM 47,700.00**

K/WANG PEMBANGUNAN

BI 2.0 BI BEHAVIOURAL INSIGHTS 2.0

Mesyuarat telah menimbangkan kertas cadangan di atas dan mengambil keputusan berikut:

KEPUTUSAN	KOD	CATATAN
DILULUSKAN	8 (645)	Ulasan Dato' KP: Diluluskan Ulasan Kewangan: Menggunakan peruntukan BI2.0 Ulasan PCT: Perlu mengikut prosedur perolehan. Sebutharga B dengan 3 tawaran dari pembekal pekhidmatan.

Disediakan oleh:

(

Datin Roseleena Hs ▼

)

Setiausaha

Lembaga Pengurusan MPC

s.k 1. KETUA AKAUNTAN
2. Shezlina Zakaria